

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengatasi kredit rating negara yang telah diturunkan taraf oleh *International Fitch Rating* pada tahun 2020 dan rancangan kerajaan untuk membayar hutang negara yang kini telah melepassi paras berbahaya RM1.2 trilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Krisis akibat pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan kebanyakan kerajaan di seluruh dunia melaksanakan langkah rangsangan bagi menyelamatkan ekonomi yang terjejas teruk. Langkah ini secara umumnya meningkatkan paras defisit fiskal dan hutang negara-negara berkenaan. Sejak awal tahun lepas, ketiga-tiga agensi penarafan antarabangsa utama, iaitu Fitch Ratings, Moody's Investors Service dan S&P Global Ratings, secara keseluruhannya telah mengambil sekitar 100 tindakan penurunan penarafan dan lebih 120 semakan semula tinjauan penarafan, atau *outlook* dengan izin, kepada negatif.

2. Malaysia turut tidak terkecuali daripada tindakan ini. Tindakan Fitch sebahagian besar didorong oleh kesan krisis pandemik COVID-19 ke atas ekonomi dan seterusnya kedudukan kewangan negara. Perlu dimaklumkan pada masa tersebut, terdapat ketidakpastian yang tinggi

mengenai tinjauan ekonomi semua negara memandangkan bekalan dan keberkesanan vaksin dunia masih belum diketahui sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sejak krisis bermula, keutamaan Kerajaan adalah memastikan negara dapat menangani kesan krisis dan seterusnya kembali ke atas landasan pertumbuhan seperti sebelum krisis melalui bajet mengembang. Salah satu matlamat utama Pelan Pemulihan Negara yang dilancarkan bulan Jun yang lepas adalah menentukan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mencapai imuniti kelompok secepat yang mungkin bagi membolehkan sektor-sektor ekonomi dan sosial dibuka semula dengan lebih selamat. Ini merupakan kunci utama kejayaan negara keluar dari kancang pandemik COVID-19. Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk Kerajaan menyediakan penampang fiskal, atau dengan izin fiscal buffers, melalui langkah pinjaman tambahan dalam menyokong strategi menyelamatkan nyawa dan memulihkan ekonomi. Walaupun Kerajaan terpaksa meningkatkan hutangnya untuk membayai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi serta program vaksinasi, ia masih mampu dan tidak pernah ketinggalan daripada memenuhi obligasi bayaran khidmat hutangnya setakat ini.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk memperbaiki kedudukan fiskal negara setelah krisis berakhir dan ekonomi pulih dan kembali stabil bagi memastikan daya tahan fiskal di masa hadapan. Kerajaan telahpun merangka strategi konsolidasi fiskal dan peningkatan asas hasil yang dijangka dapat menyediakan ruang fiskal yang lebih besar dan mengurangkan paras hutang dalam jangka sederhana. Ini termasuklah strategi untuk meluaskan asas hasil, mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai, meningkatkan kecekapan perbelanjaan serta menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal yang dijangka dapat mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal. Selain itu, usaha menambah baik tadbir urus dan pembaharuan institusi sedang dilaksanakan. Saya yakin kesemua langkah-langkah berkenaan dijangka akan membantu bukan sahaja memperbaiki kedudukan fiskal negara, malah menambah baik penarafan kredit negara pada masa hadapan.